

APLIKASI KONSEP *KHULȚAH* DALAM PENGIRAAN ZAKAT DI MALAYSIA: ANALISIS ISU, CABARAN DAN PENYELESAIANNYA

Application of *Khulṭah* Concept in *Zakāh* Calculation in Malaysia: Analysis of Issues, Challenges and Its Solutions

**Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani¹
Ridzwan Ahmad²**

ABSTRACT

The concept of khulṭah in the discussion of zakāh connotes a mixture of zakatable assets owned by several owners and calculated as a single entity. In the contemporary period, many zakatable assets are being kept in a common fund that fits the definition of khulṭah of zakāh, and is thus subject to the zakāh obligation. This includes cash deposited in accounts, such as the Tabung Haji fund; accounts in banks, such as savings, checking, and investments accounts; Employees Provident Fund (EPF); as well as corporations, etc.. However, looking at the current practices

¹ Ph.D candidate, Department of Fiqh and Usul al-Fiqh, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, zakirullah_77@icloud.com

² Senior Lecturer, Department of Fiqh and Usul al-Fiqh, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, ridzwan@um.edu.my

of zakāh calculation, it is evident that the khulṭah concept has been neglected. In fact, its practice and implementation among the zakāh collection bodies have not been standardized. Using the literature review methodology, this article aims to examine the views of Islamic jurists on the concept of khulṭah and its implementation and constraints that limit its implementation and any proposed resolutions, and how this concept can benefit the zakāh authorities. This research has found that although the concept of khulṭah in zakāh collection faces many challenges for implementation it can be optimized in expanding zakāh collection, thus empowering its role in fulfilling the needs of the Muslim society.

Keywords: *zakāh, khulṭah, syuyū‘, Tabung Haji*

PENGENALAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan apabila telah cukup *niṣāb* dan *ḥawlnya*. Ia berperanan besar dalam pembangunan ekonomi umat Islam dengan menjadi pemangkin ekonomi golongan fakir dan miskin, pemacu pembangunan kecemerlangan modal insan melalui bidang dakwah dan pendidikan, juga sebagai pembantu bagi mereka yang berhutang, terputus bekalan dalam perjalanan dan sebagainya.

Dalam membincangkan tentang zakat, para ulama telah membincangkan tajuk berkaitan zakat ke atas harta *khulṭah* iaitu harta-harta yang dimiliki oleh beberapa pemilik yang dihimpunkan sehingga mencukupkan kadar *niṣāb* zakat. *Khulṭah* bermaksud aset-aset yang dimiliki oleh beberapa orang pemilik yang disimpan di tempat yang sama, dan segala pengurusan berkaitan dengannya diuruskan oleh satu pihak yang telah dilantik oleh pemilik-pemilik harta tersebut.³

Melihat kepada perbincangan ulama tentang konsep *khulṭah ini*, walaupun mazhab al-Shāfi‘ī menerima konsep *khulṭah* dalam bab zakat,⁴ namun berdasarkan kepada pengamalan semasa konsep ini terutamanya apa yang diamalkan oleh institusi yang dipertanggungjawabkan mengutip zakat, ianya tidak menggambarkan *khulṭah* diamalkan sepenuhnya sebagaimana yang

³ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj ila Ma‘rifati Ma‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, ed. Toha ‘Abd al-Raūf Sa‘d (Qāhirah: Maktabah Tawfiqiyah, t.t.), 79.

⁴ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī, *Mughnī al-Muḥtāj ila Ma‘rifati Ma‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, 79.

difahami dan dibahaskan oleh para ulama dari mazhab al-Shāfi‘ī. Sebahagian praktis semasa dalam soal kutipan zakat menggunakan *khulṭah* sebagai asas pengiraan zakat, sementara sebahagian praktis yang lain pula tidak menggunakannya⁵ dan ini sebenarnya bertentangan dengan pegangan mazhab al-Shāfi‘ī yang menerima konsep *khulṭah* dalam pengiraan zakat.

Justeru, artikel ini akan menganalisis pandangan para fuqaha terutama fuqaha dari mazhab al-Shāfi‘ī tentang konsep *khulṭah* dan jenis-jenis harta zakat yang tertakluk kepada pengiraan zakat berdasarkan konsep *khulṭah*, aplikasi *khulṭah* dalam praktis dan amalan semasa bagi kutipan zakat, permasalahan semasa yang berkaitan dengannya dan penyelesaiannya.

DEFINISI KHULṬAH

Dari segi bahasa, *khulṭah* bermaksud percampuran antara sesuatu dengan yang lain. *Khalūt* ialah yang berjiran, *khilṭah* bermaksud pergaulan dan percampuran, dan *khulṭah* bermaksud *al-Shirkah* iaitu perkongsian, dan *jamak* kepadanya adalah *khulaṭa*.⁶ Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَإِنْ كَثِيرًا مِّنَ الْخَاطِلَاءِ لَيَبْغِي بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ

“...dan sesungguhnya kebanyakannya dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup), setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain....”

(Surah al-Ṣād, 38: 24)

Juga firmanNya:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحُهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تَحَاوُلُهُمْ فَإِلَّا هُنَّ كُفَّارٌ

“....dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: “Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya”, dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada

⁵ Ini akan dibincangkan di bawah tajuk “Aplikasi Semasa *Khulṭah* dan Kesannya dalam Pengiraan Zakat”.

⁶ Ibn Faris, Aḥmad bin Faris, *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah*, vol. 2, ed. ‘Abd al-Salam Muhammad Harun (Beirūt: Dār al-Fikr, 1979), 209; Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukram, *Lisān al-‘Arab*, vol. 7 (Beirūt: Dār Ṣadr, t.t.), 291; Muḥammad bin Abū Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Ṣīḥah*, vol. 1 (Lubnan: Maktabah Lubnan, 1986), 77.

salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama)..”

(Surah al-Baqarah, 2: 220)

Berdasarkan perbincangan di atas, *khulṭah* bermaksud percampuran dan dalam kebanyakan situasi, percampuran tersebut memberi kesan kepada hukum asal dan mengubahnya kepada hukum yang lain, seperti apa yang dapat dilihat dalam bab keharusan memegang mushaf jika ia bercampur dengan tafsir,⁷ hukuman *qīṣās* terhadap sekumpulan manusia yang membunuh,⁸ pelaburan yang bercampur antara aktiviti yang halal dan haram (*mixed activities*) dan sebagainya. Juga kesan *khulṭah* boleh dilihat dalam soal zakat ke atas binatang, barang perniagaan, emas/perak, dan sebagaimana yang akan dibincangkan dalam penulisan ini nanti.

Dari segi istilah pula, *khulṭah* dalam bab zakat didefinisikan dengan maksud:

“Dua harta yang tertakluk kepada hukum zakat yang dimiliki oleh dua orang (atau lebih) yang dihimpun keduanya, dengan tujuan untuk perkongsian atau seumpamanya...”⁹

Berdasarkan definisi *khulṭah* ini, harta yang terhimpun yang dimiliki oleh beberapa orang akan dikenakan zakat secara kolektif sebagaimana halnya zakat

⁷ Sa‘id al-Bakrī bin Muḥammad Syaṭṭa al-Dumyaṭī, *Hāsyiyah I‘ānah al-Tālibīn*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.), 67; Abī Zakariyya Yaḥyā bin Syaraf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*, vol. 2 (Beirūt: Maktab al-Islāmī, 1991), 15.

⁸ Walaupun dari segi asal kaedah *qīṣās* itu satu nyawa akan dibalas satu, namun jika sekumpulan manusia melakukan satu pembunuhan, maka mereka akan dikenakan hukuman *qīṣās* berdasarkan konsep *al-masālih*, sedang sebahagian ulama lagi mengatakan ia adalah berdasarkan konsep *istihsān*. Rujuk Shihāb al-Dīn Mahmūd bin Aḥmad al-Zanjānī, *Takhrīj al-Furū‘ alā al-Uṣūl* (Qāhirah: Mu’assasah al-Risālah, t.t.), 323.

⁹ Muṣṭafā Khin, Muṣṭafā Bugho, ‘Alī Sharbājī, *Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 1 (Damsyiq: Dār al-Qalam, cetakan ke 10, 2009), 308. Juga rujuk Muḥammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, vol. 3, ed. Rifa‘āt Fawzī ‘Abd al-Muṭalib (Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 2001), 33. Imam al-Ghazālī ada berkata: “Pertama; dalam soal khulṭah dan syarat-syaratnya, dan hukum khulṭah adalah dua harta yang menempati tempat satu harta, kalau bercampurlah 40 ekor dengan 40 ekor milik orang lain, maka bagi kesemuanya (80 ekor) dikenakan seekor sahaja, dan kalau bercampur 20 ekor dengan 20 ekor milik orang lain maka bagi setiap orang dikenakan setengah ekor...” Lihat Abū Hamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wajīz fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, vol. 2, ed. ‘Alī Mu‘awwad, ‘Adī ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Arqām bin Abī al-Arqām, 1997), 217.

dikenakan ke atas harta yang dimiliki oleh seseorang yang telah mencapai *nīṣāb*.¹⁰

HADIS BERKAITAN *KHULTAH* DALAM ZAKAT

Terdapat beberapa hadis¹¹ Nabi SAW yang membicarakan tentang *khultah* dalam bab zakat, namun hadis sahih yang masyhur dalam bab *khultah* ini ialah

¹⁰ Abū Ishaq Ibrahīm bin ‘Alī al-Shirāzī, *al-Muḥazzab*, vol. 1, ed. Muhammad Zuhaylī (Damsyīq: Dār al-Qalam, 1996), 493. Hannan ‘Abd al-Rahmad Abū Mukh dalam bukunya mentarjihkan definisi yang mengatakan bahawa ia tidak disyaratkan, lihat Hannan ‘Abd al-Rahmad Abū Mukh, *Zakāt al-Syarikāh fī al-Fiqh al-Islāmī* (‘Ammān: Dār al-Ma’mūn, 2007), 102.

¹¹ Selain dari hadis utama yang disebutkan dalam perbincangan berkaitan *khultah* ini, terdapat juga hadis-hadis lain seperti:

a) Dari Sa‘d bin Abī Waqās pula beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda;

لَا يفرق بين مجتمع، ولا يجمع بين مفترق، والخليطان ما اجتمع على الخوض والراغي والفشل.

*“Tidak dipisahkan di antara yang berhimpun dan tidak dihimpunkan di antara yang berpisah, dan percampuran di antara dua (*khultah*) itu adalah yang berhimpun tempat minum (kolam) pengembala dan kuda...”* Dāruqutnī, ‘Alī bin ‘Umar, *Sunan Dāruqutnī*, vol. 2, ed. Adil ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muhammad Mu’awwad (Beirût: Dār al-Ma’rifah, 2001), 271-272, “Bāb Tafsīr al-Khalītayn, Wa Mā Jā’ fī Zakāt ‘alā al-Khalītayn,” hadis no. 1920; Abū Bakr Ahmad bin Ḥussein bin ‘Alī al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, vol. 4, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aṭā (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan ke-2, 2003), 176, “Kitāb al-Zakāt: Bāb Ṣadaqah al-Khulaṭā,” hadis no. 7333, 7334. Hadis ini sekalipun dikategorikan sebagai hadis *Da’if* namun maknanya adalah benar iaitu maksudnya diakui berdasarkan *ijma’* dalam soal ini, bahkan maksud hadis bukanlah dari segi lafaz itu bahkan dari segi ‘illah dari *khultah* itu iaitu untuk mengurangkan kos dan ianya juga wujud pada hadis yang disebutkan. Rujuk al-Ramlī, Muḥammad bin Abī al-‘Abbas, *Nihāyah al-Muhtāj ila Syarḥ Minhāj*; beserta *Hāsyiyah ‘Alī bin ‘Alī al-Shabralamsī*, *Hāsyiyah Muḥammad bin Aḥmad al-Maghzī al-Rasyidī* (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 61; Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *al-Talkhīs al-Khabīr fī Takhrīj Aḥādīth al-Rāfi‘ī al-Kabīr*, vol. 2, ed. Ḥassan bin ‘Abbas (t.t.p.: Mu’assasah Qurṭubah, 1995), 306.

b) Hadis dari Su‘ad bin Ghuflah di mana beliau berkata:

أَتَانَا مَصْدِقُ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَأَتَيْتَهُ ، فَجَلَسْتُ إِلَيْهِ أَسْمَعْهُ ، فَسَمِعَتْهُ وَهُوَ يَقُولُ : «إِنَّ عَهْدِي أَن لَا أَخْذَ مِن رَاضِعٍ لَبَنَ ، وَلَا نَجْمَعُ بَيْنَ مَفْتَرَقٍ ، وَلَا نَفْرَقُ بَيْنَ الْمَجْمَعِ

«قال : وأناه رجل بناقة كوماء ، فقال : خذها ، فأبى

hadis riwayat Anas bin Mālik dari Abu Bakar RA bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

لَا يَجْمِعُ بَيْنَ مُفْتَرِقٍ وَلَا يَفْرَقُ بَيْنَ مَجْمُوعٍ خَشِيَّةَ الصِّدْقَةِ وَمَا كَانَ مِنْ
خَلِيلَيْنِ، فَإِنَّهَا يَتَرَاجِعُانِ بَيْنَهُمَا بِالسُّوَيْةِ.

*“Tidak dihimpulkan (harta zakat) yang terpisah dan tidak dipisahkan (harta zakat) yang terhimpun untuk mengelakkan dari zakat, dan dua orang yang bercampur (harta zakatnya) hendaklah dikeluarkan zakat daripada keduanya secara pro-rata...”*¹²

Imam Mālik menyebutkan bahawa maksud hadis ini ialah tiga orang yang mana setiap mereka memiliki 40 ekor kambing lalu wajiblah ke atas mereka zakat, namun mereka menghimpunkannya dengan tujuan untuk mengelakkan zakat dan (disebabkan himpunan tersebut) tidak wajib zakat ke atas mereka semua kecuali hanya seekor sahaja. Atau dua orang yang memiliki 202 ekor kambing, maka wajib ke atas mereka 3 ekor kambing, namun mereka memisahkan kambing-kambing tersebut sehingga tidak dikenakan ke atas mereka melainkan seekor sahaja (bagi setiap seorang).¹³

“Diceritakan kepadaku oleh mereka yang berjalan bersama pengutip zakat yang dilantik oleh Nabi SAW,- di zaman baginda SAW – bahawa mereka berkata: jangan diambil zakat terhadap binatang yang sedang menyusu, dan jangan menghimpunkan apa yang terpisah, dan jangan memisahkan apa yang telah berhimpun, kemudian beliau berkata: dan dia didatangi oleh seorang lelaki dengan unta yang besar, lalu tuannya berkata, ambillah unta ini, namun ia enggan mengambilnya..” Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah, *Musnad Ibn Abī Shaybah*, vol. 2, ed. ‘Adīl bin Yūsuf al-Ghazadī, Ahmād Farīd al-Mazīdī (Riyād: Dār al-Waṭān, t.t.), 41, no. hadis 549. Hadis ini dikategorikan sebagai hadis *Hasan*.

¹² Shihāb al-Dīn Ahmād bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣaḥīḥ Bukhārī*, vol. 3, ed. ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamad (Riyād: Maktabah al-Malik Fahd al-Watāniyyah, Amir Sultān ‘Abd al-‘Azīz, ‘Alī Saud), 368, “Kitāb al-Zakāt: Bāb Lā Yujma‘ Bayna Mutafarriq wa la Yufarraq Bayna Mujtami‘in,” hadis no. 1419, 1420. Juga rujuk Ahmād bin al-Syūib al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, vol. 3, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsīn (Qāhirah: Mu‘assasah al-Risālah, 2001), 19, 20, “Kitāb al-Zakāt: Bab Zakāt al-Ibil,” hadis no. 2249, 2250; al-Bayhaqī, Ahmād bin Husayn, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir ‘Aṭā, *Sunan al-Kubrā*, 167, hadis no. 7329, 7330, 7331, 7332.

¹³ Abū al-Walīd Sulayman bin Khalaf al-Bājī, *al-Muntaqā Syarḥ al-Muwaṭṭa'*, vol. 2 (Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, 1332), 136-137.

Al-Shāfi‘ī pula mengatakan hadis ini merujuk kepada tuntutan supaya pemberi modal dan pengusaha tidak mengasing atau mencampurkan harta zakat untuk mengelakkan dari dikenakan zakat yang lebih tinggi.¹⁴

PENDAPAT ULAMA TENTANG *KHULȚAH* DALAM ZAKAT

Ulama telah berselisih pendapat tentang *khulțah* dalam zakat kepada dua pendapat iaitu pendapat majoriti ulama dan pendapat mazhab Hanafi.¹⁵

a) Majoriti Ulama (*Tāwūs*, ‘Aṭa‘, Yahya bin Sa‘id, mazhab al-Shāfi‘ī, mazhab Mālikī dan mazhab Ḥanbalī)

Khulțah memberi kesan kepada pengiraan zakat dan ini adalah pendapat jumhur ulama, namun mereka berbeza pendapat dari segi jenis-jenis *khulțah*.¹⁶

¹⁴ Shihāb al-Dīn Ahmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣahīḥ Bukhārī*, vol. 3, 368–369. Juga rujuk al-Shawkānī, *al-Rawḍah al-Nadiyyah Syarḥ al-Durar al-Bahiyyah*, vol. 1, 470.

¹⁵ Ahmad bin Rusyd Ibn al-Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, dengan *Hamish al-Sabīl al-Murshid ilā Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtasid*, vol. 2, ed. ‘Abd Allāh Abadī (Qāhirah: Dār al-Salam, 1995), 622, 623; Abū al-Ḥassan ‘Alī bin Muḥammad al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 4 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999), 94; ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarḥ al-Kabīr*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.), 530; Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāt*, vol. 2 (Qāhirah: Mu’assasah al-Risālah, 2001), 255.

¹⁶ Bagi ulama yang menerima konsep *khulțah*, mereka membahagikan *khulțah* kepada dua jenis utama iaitu *khulțah isytirāk* dan *khulțah awṣāf*. *Khulțah isytirāk* ialah harta yang dimiliki oleh dua atau tiga individu atau lebih secara pelbagai, sebagai contoh mereka membeli beberapa ekor binatang ternakan secara berkongsi dan setiap daripada mereka memiliki hak ke atas binatang-binatang tersebut tetapi tidak ditentukan yang mana satu milik mereka, atau ianya dikenali dengan pemilikan secara *syuyū‘* (*undivided portion*). Juga termasuk di sini *khulțah al-syuyū‘* iaitu perkongsian dalam pemilikan tanah, aset tetap, wang tunai, akaun bersama dan sebagainya selama mana pemilikan adalah berdasarkan nisbah sahaja, *khulțah awṣāf* iaitu diketahui siapakah pemiliknya tetapi dicampurkan untuk memudahkan penjagaan dari segi makanan, minuman dan sebagainya dan dari segi kemudahan, ia tidak ditentukan hak milik siapa. Asal *khulțah* ini adalah untuk binatang sebagaimana dalam hadis, dan diqiyaskan bagi harta yang lain seperti tanaman dan sebagainya, timbul persoalan bagi mata wang, dan sebagainya selama mana pemilikan bukan berdasarkan nisbah tertentu, tetapi berdasarkan kepada jumlah tertentu maka ia dikira di bawah *khulțah al-jiwār*. Abū Zakariya Mahy al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muhazzab*, vol. 5

juga apakah jenis-jenis harta yang termasuk dalam skop *khulṭah*. Jumhur ulama berujah dengan hadis daripada Saidina Anas RA yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī yang telah disebutkan sebelum ini.¹⁷

Dalam soal ini al-Zanjānī ada berkata:

“..dan di antaranya (*furū‘* dari kaedah zakat itu sebagai kewajipan harta); ialah, *khulṭah* memberi kesan kepada zakat, kerana ia menjadikan dua harta itu seperti satu, (dan dua pemilik itu seperti satu) dengan maksud jika seorang itu memiliki 20 ekor kambing, dan seorang yang lain pula memiliki 20 ekor lalu dicampurkan kambing keduanya, dan apabila cukup syarat-syaratnya (*khulṭah*) maka wajib ke atas keduanya zakat sesudah cukup *ḥawl*, iaitu keduanya perlu mengeluarkan seekor kambing dari jumlah 40 ekor (yang mereka miliki tersebut). Ini adalah berdasarkan kaedah yang telah kami telah sebutkan bahawa ianya (zakat) itu adalah kewajipan harta, ((dan rukun padanya adalah harta, tanpa melihat kepada pemilik, bahkan apa yang diambil kira adalah kewujudan harta)...”¹⁸

Dalam soal jenis-jenis harta yang termasuk dalam skop pengiraan zakat berdasarkan konsep *khulṭah*, kebanyakan ulama yang menerima konsep *khulṭah* berpendapat bahawa ia hanya terpakai kepada binatang ternakan sahaja. Bagi selain dari binatang ternakan seperti tanaman, barang perniagaan, buah-buahan dan emas perak, kebanyakan mereka berpandangan bahawa *khulṭah* tidak terpakai kepada aset-aset jenis ini. Namun pendapat yang kuat (*Azhār*) dalam mazhab Shāfi‘ī mengatakan bahawa *khulṭah* juga terpakai bagi aset-aset di atas dengan *dīqiyāskan* kepada *khulṭah* ke atas binatang, dan ‘illahnya ialah adanya keringanan iaitu disebabkan adanya *khulṭah* maka ianya memberi keringanan dan kemudahan kepada pemilik harta dalam soal

(Jeddah: Maktabah Irshād, t.t.), 407; al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtaj*, vol. 3, 59-60; al-Sharbīnī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Iqnā‘ fī Ḥilli Alfaż Abī Syuja‘*, vol. 1, ed. Muḥammad Mu‘awwad, ‘Adil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004), 443. ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlaḥ fī Dirāyah al-Madhhab*, vol. 3 (Jeddah: Dār al-Minhāj, cetakan pertama, 2007), 147-148. Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbīnī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma‘rifati Ma‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, 79-80.

¹⁷ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣaḥīḥ Bukhārī*, vol. 3, 368, “Kitāb al-Zakāt: Bāb Lā Yujma‘ Bayna Mutafarriq wa Lā Yufarraq Bayna Mujtami‘in,” hadis no. 1419, 1420.

¹⁸ Shihāb al-Dīn Mahmūd bin Aḥmad al-Zanjānī, *Takhrij al-Furū‘ alā al-Uṣūl*, 115.

pengurusan harta mereka, justeru disebabkan itu maka zakat dikenakan ke atas harta-harta mereka yang bercampur walaupun jika berdasarkan pengiraan zakat per individu, harta tersebut masih tidak mencapai kadar *niṣab*.¹⁹

Dari segi niat dalam soal *khulṭah* ini, walaupun sebahagian ulama mengatakan perlunya niat dalam menjadikan suatu kumpulan wang yang dimiliki bersama itu harta-harta yang tertakluk kepada hukum *khulṭah*, namun pendapat yang kuat dalam mazhab al-Shāfi‘ī ialah niat tidak disyaratkan.²⁰ Justeru, apabila sahaja wang atau harta zakat disimpan dalam tempat atau akaun bersama, maka ia termasuk dalam harta *khulṭah* walaupun penyimpan mungkin tidak pernah meniatkan begitu semasa mula ia menyimpan atau membuka akaun simpanan tersebut atau mula melabur dalam satu dana pelaburan.

¹⁹ Shams al-Dīn Muhammad bin Ahmad al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma ‘rifatī Ma ‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, 79; al-Ramlī; *Nihāyah al-Muhtāj*, vol. 3, 62; al-Juwainī, *Nihāyah al-Maṭlab*, vol. 3, 147-148; al-Nawawī; *al-Rawdah al-Tālibīn*, vol. 2, 172. Ini juga adalah salah satu pendapat mazhab al-Hanbalī. Lihat ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarh al-Kabīr*, vol. 2, 490.

Adapun selain dari binatang ternakan, terdapat empat pandangan dalam mazhab Shāfi‘ī:

- Pendapat (pertama) yang yang lebih kuat (*al-Azhār*) dalam mazhab: *khulṭah* juga diambil kira dalam buah-buahan, tanaman, wang dan barang perniagaan
- Pendapat (kedua) lama Imam Shāfi‘ī (*qawl qadīm*): *Khulṭah* hanya diambil kira pada binatang ternakan sahaja
- Pendapat ketiga: *khulṭah* hanya diambil kira pada harta yang dikongsikan pemilikan melalui *khulṭah syirkah* dan bukan *khulṭah al-jiwār*
- Pendapat keempat: adanya *khulṭah al-Jiwār* dan *al-Shirkah* pada tanaman dan buah-buahan, dan *khulṭah al-Shirkah* hanya pada matawang dan perniagaan sahaja

Lihat al-Juwainī, *Nihāyah al-Maṭlab*, vol. 3, 156; al-Nawawī, *al-Majmu‘ Syarh al-Muḥazzab*, vol. 5, 429; al-Nawawī, *Rawdah al-Tālibīn*, vol. 2, 172-173; Shams al-Dīn Muhammad bin Aḥmad al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma ‘rifatī Ma ‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, 82.

²⁰ Dalam soal ini terdapat dua pendapat iaitu pendapat yang *Aṣah* mengatakan tidak disyaratkan niat untuk menjadikan sesuatu harta itu sebagai harta yang tertakluk kepada hukum *khulṭah*, dan pendapat bertentangan dengan pendapat yang *Aṣah* mengatakan bahawa disyaratkan niat. Shams al-Dīn Muhammad bin Aḥmad al-Sharbinī, *Mughnī al-Muhtāj ila Ma ‘rifatī Ma ‘ānī Alfaż al-Minhāj*, vol. 2, 81. Penulis berpendapat bahawa pendapat yang paling kuat ialah pendapat yang *Aṣah*, kerana niat bukanlah perkara yang memberi kesan kepada percampuran harta.

b) Mazhab Ḥanafī dan Sebahagian Ulama

Khulṭah tidak memberi kesan kepada pengiraan zakat bahkan setiap pemilik harta mempunyai *nīṣāb* yang berasingan.²¹

Mereka berujah dengan hadis bahawa Nabi SAW telah bersabda:

لِيْسَ فِيهَا دُونَ الْأَرْبَعِينَ مِنَ الْغَنَمِ شَيْءٌ

“*Tidak dikenakan zakat ke atas binatang ternakan (kambing) yang kurang dari 40 ekor...*”²²

Apa yang dapat difahami dari hadis ini ialah Nabi SAW menafikan wajibnya zakat ke atas kurang dari 40 ekor secara mutlak sama ada dalam keadaan berkongsi atau dalam keadaan berasingan, justeru syarat wajib bagi keduanya adalah cukup *nīṣāb* (40 ekor) bagi setiap pemilik harta.

Juga hadis-hadis yang menerangkan berkenaan zakat secara umumnya mensyaratkan bahawa zakat tidak dikenakan jika jumlah bintang ternakan kurang dari yang sepatutnya. Antara hadis-hadis tersebut ialah hadis:

لِيْسَ فِيهَا دُونَ خَمْسَ ذُوْدَ صِدْقَةٍ مِنَ الْإِبْلِ

“*....tiada bagi 5 ekor unta yang berumur 3-10 tahun itu zakat..*”²³

²¹ Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badrā’i ‘al-Šanā’i fī Tartīb al-Syarā’i*, vol. 2, ed. Sheikh ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, Sheikh ‘Adil Muhammād ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan ke-2, 2003), 433-435; Imam Malik dalam soal zakat emas dan perak. Lihat Ibn al-Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, 1: 218.

²² *Sahīh Ibn Khuzaymah*, “Kitāb al-Zakāt, Jimā‘ Abwāb Ṣadaqah al-Mawāshī min al-Ibil wa al-Baqar wa al-Ghanam: Bāb al-Dalīl ‘alā Anna al-Ṣadaqah Lā Tajib Fīmā Dūna Khams Min al-Ibil wa lā Fīmā Dūna al-Arba‘īn min al-Ghamān”; al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, “Kitāb al-Zakāt, Bāb Zakāt al-Ghanam,” hadis no. 1386, al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, vol. 3, 8, “Kitāb al-Zakāt, Bāb Ma Jā‘ fī Zakāt al-Ibil wa al-Ghanam,” hadis no. 621.

²³ al-Bukhārī, *Sahīh al-Bukhārī*, ‘Bab Zakāt al-Ghanam,’ hadis no. 1386, al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, “Kitab al-Zakāt, Bāb Ma Jā‘ fī Zakāt al-Ibil wa al-Ghanam,” hadis no. 621; Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Sahīh Bukhārī*, vol. 3, 378, “Kitāb al-Zakāt: Layasa Fīmā Dūna Khams Dhawd Ṣadaqah,” hadis no. 1327.

Hadis ini menunjukkan sempurna *niṣāb* bagi kedua-dua orang yang berkongsi adalah syarat wajib zakat.²⁴ Mereka juga berhujah bahawa yang dimaksudkan dengan “*himpun*” dan “*pisah*” dalam hadis yang diriwayatkan oleh Anas RA yang digunakan oleh jumhur ulama sebagai hujah ialah, himpun dan pisah pada hak pemilikan dan bukannya himpun dan pisah pada tempat, sama ada tempat tinggal mahupun tempat makan. Justeru, sesiapa yang memiliki 80 ekor kambing sebagai contoh, dia tidak perlu mengasingkannya di dua tempat untuk menjadikan dua *niṣāb*, dan dia juga tidak perlu untuk menghimpunkan empat puluh ekor kambing yang duduk berasingan di tempat yang berbeza untuk mencukupkan satu *niṣāb*.²⁵

Pendapat Yang Kuat

Pendapat yang lebih kuat adalah pendapat yang pertama yang mengatakan bahawa *khulțah* memberi kesan kepada pengiraan *niṣāb* zakat, dengan maksud bahawa harta yang bercampur/*khulțah* akan dikira sebagai satu *niṣāb*, yang tertakluk kepada hukum zakat.²⁶ Juga pendapat yang mengatakan bahawa *khulțah* juga terpakai kepada harta selain dari binatang ternakan. Inilah pendapat yang telah diputuskan oleh Majmā‘ Fiqh al-Islāmī al-Dawlī, Majlis Fatwa Kebangsaan, Persidangan Zakat Antarabangsa, ulama-ulama kontemporari dan sebagainya.²⁷

²⁴ Jika diperhatikan, kemungkinan besar sebab mazhab Ḥanafī menolak hadis-hadis yang berkaitan *khulțah* adalah kerana ia bertentangan dengan kaedah *uṣūl* mazhab mereka iaitu mereka berpandangan bahawa *qiyās jalī* atau kaedah-kaedah *uṣūl* yang umum tidak boleh dikhuluskan oleh hadis *Aḥād*, dan dalam konteks zakat di sini, *qiyās jalī* ialah kewajipan membayar zakat secara umum apabila cukup *niṣāb* bagi setiap individu, dan hadis *Aḥād* pula ialah hadis riwayat Anas (hadis bab). Bagi mereka, harta yang bercampur-campur (*khulțah*) yang telah mencapai nisab dikira masih belum mencapai syarat zakat dari segi *niṣāb* kerana ia dimiliki oleh beberapa orang, sedangkan *niṣāb* zakat adalah berdasarkan pemilikan individu tanpa dicampurkan dengan pemilikan orang lain, dan ini juga dikatakan salah satu pendapat Imam Mālik al-Zanjānī, *Takhrīj al-Furū'*, 363, Ibn al-Sam'ānī, *al-Qawāṭī 'al-Adillah*, vol. 2, 365, 366.

²⁵ Rujuk perdebatan antara mazhab al-Shāfi‘ī dan mazhab Ḥanafī dalam soal ini al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 4, 94-97.

²⁶ Walaupun mungkin ada pemegang saham yang tidak mencukupi *niṣāb* individu.

²⁷ Majmā‘ Fiqhī al-Islāmī al-Dawlī, ‘Zakat Saham dalam Syarikat,’ <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/4-3.htm>, dicapai 13 Ogos 2014; Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Zakat Ke atas Syarikat,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai 13 Ogos 2014; Azman Mohd Noor & Muhamad Nasir Haron, ‘Imposing Zakāt on Legal Entities and Its Applications

APLIKASI SEMASA *KHULȚAH* DAN KESANNYA DALAM PENGIRAAN ZAKAT

Dengan menganalisa pendapat dalam mazhab al-Shāfi‘ī sepertimana yang telah dibincangkan sebelum ini dan membandingkannya dengan apa yang wujud dalam sistem kewangan Islam moden, jelas bahawa simpanan yang dibuat di bank-bank, dana-dana pelaburan, instrument kewangan moden seperti *sukūk*, produk-produk perbendaharaan dan sebagainya, ia termasuk dalam *khulțah* kerana wujudnya percampuran harta di samping ianya diuruskan oleh satu pihak. Justeru, ia menepati konsep *khulțah* dan ia termasuk dalam *khulțah al-syuyu'* atau *khulțah shirkah/isytirāk*²⁸ dan setiap pemilikan adalah dikira berdasarkan pemilikan bersama berdasarkan nisbah pegangan.

Walaupun *khulțah* wujud dalam harta-harta yang disebutkan di atas, namun dari segi praktis semasa, *khulțah* tidak diamalkan sepenuhnya sebagaimana yang dibincangkan oleh para ulama, bahkan hanya sebahagian sahaja amalan pengiraan dan kutipan zakat semasa dibuat berdasarkan pengiraan *khulțah* dan sebahagian lagi tidak mengambil kira konsep *khulțah*.

Jadual di bawah menunjukkan amalan semasa kutipan zakat bagi harta-harta *khulțah*:

in Islamic Financial Institutions,’ 3; Yūsuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāt*, vol. 2, 258; Qurrah Daghi, ‘Zakāt Ashum,’ http://www.qaradaghi.com/portal/index.php?option=com_content&view=article&id=492:2009-07-12-10-38-45&catid=75:2009-07-12-10-33-29&Itemid=13, dicapai 13 Ogos 2014. Dalam soal wang kertas, ia juga terpakai berdasarkan *qiyās* kepada emas dan perak kerana ‘illah yang sama yang terpakai pada emas dan perak. Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Mawsū‘ah Fiqhiyyah Kuwaitiyah*, vol. 19 (Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam. t.t.), 228; Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Perniagaan,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-kwsp/>, dicapai 13 Ogos 2014.

²⁸ Namun dari aspek lain boleh juga dikatakan bahawa *khulțah* di antara mereka adalah *khulțah al-jiwār* memandangkan bahawa dalam produk deposit dan pelaburan, akad adalah di antara pelanggan secara individu dan bank, bukan di antara para pelanggan (*syuyu'*) dan bank.

Jadual 1: Aplikasi *Khulṭah* dalam Pembayaran Zakat Semasa

No.	Jenis Simpanan/ Syarikat	Jenis Pelaburan	Jenis <i>Khulṭah</i>	Hukum Zakat/ <i>Niṣāb</i>
1.	Tabung Hajji	<i>Wadī‘ah</i>	<i>al-Jiwār/Syuyū‘</i>	Zakat <i>Khulṭah</i>
2.	Pelaburan Hartanah Islam (<i>i-REIT</i>)	<i>Wakālah</i>	<i>al-Jiwār/Syuyū‘</i>	Zakat Individu
3.	Unit Amanah (<i>Unit Trust</i>)	<i>Wakālah</i>	<i>al-Jiwār/Syuyū‘</i>	Zakat Individu
4.	Akaun Simpanan	<i>Wadī‘ah/ Wakālah/ Ta‘warruq</i>	<i>al-Jiwar/Syuyū‘</i>	Zakat Individu
5.	Akaun Simpanan Bersama (<i>Joint Account</i>)	<i>Wadīah/ Wakālah/ Ta‘warruq</i>	<i>al-Jiwār/Syuyū‘</i>	Zakat Individu/ Zakat <i>Khulṭah</i>
6.	Akaun Pelaburan	<i>Muḍārabah/ Wakālah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat <i>Khulṭah</i> / Zakat Individu
7.	Akaun Pelaburan Emas	<i>Wakālah/ Wadī‘ah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat Individu
8.	Akaun Pelaburan Emas Bersama	<i>Wakālah/ Wadī‘ah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat Individu
9.	Akaun Semasa	<i>Pinjaman/ Muḍārabah/ Wakālah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat Individu
10.	Saham Syarikat Senaraian Awam	<i>Shirkah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat Individu
11.	Syarikat Perniagaan Persendirian (<i>Private Company</i>)	<i>Shirkah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat <i>Khulṭah</i>
12.	Syarikat Senaraian Awam (<i>Public Listed Company</i>)	<i>Shirkah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat <i>Khulṭah</i>

No.	Jenis Simpanan/ Syarikat	Jenis Pelaburan	Jenis <i>Khulṭah</i>	Hukum Zakat/ <i>Niṣāb</i>
13.	Simpanan Takaful (Tabung Peserta)	<i>Wakālah/</i> <i>Mudārabah</i>	<i>al-Syuyū‘</i>	Zakat Individu

Sumber: Tabung Haji, Lembaga Zakat Selangor.²⁹

ANALISA APLIKASI *KHULṬAH* DALAM PENGIRAAN DAN PEMBAYARAN ZAKAT SEMASA

Jika diperhatikan jadual 1, walaupun jelas *khulṭah* telah wujud bagi harta-harta yang disebutkan di atas namun wujud ketidakseragaman dari segi pengiraan dan pembayaran zakat. Ini kerana hanya sebahagian sahaja amalan semasa

- ²⁹ (i) **Tabung Haji:** Tabung Haji, ‘Simpanan dengan Jaminan,’ <http://www.tabunghaji.gov.my/simpanan-dengan-jaminan>, dicapai pada 14 Januari 2017. Namun yang menimbulkan kemusykilan, pihak Tabung Haji mengisyiharkan dividen, dan dividen sebagaimana dimaklumi imbuhan yang diberikan kepada pemegang saham bukan untuk *wadī‘ah/qard*. Lihat definisi dividen, Investopedia, ‘Dividend,’ <http://www.investopedia.com/terms/d/dividend.asp>, dicapai 13 Ogos 2014; Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Pembayaran Zakat oleh Tabung Haji,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakat-oleh-tabung-haji>, dicapai 13 Ogos 2014.
- (ii) **Pelaburan Hartanah Islam (*i-REIT*):** Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-saham/>, dicapai 13 Ogos 2014.
- (iii) **Unit Amanah (Unit Trust):** Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-saham/>, dicapai 13 Ogos 2014.
- (iv) **Akaun Simpanan:** Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-saham/>, dicapai 13 Ogos 2014.
- (v) **Akaun Simpanan Bersama (Joint Account):** Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-saham/>, dicapai 13 Ogos 2014.
- (vi) **Akaun Pelaburan:** Bagi akaun pelaburan di bank-bank, pihak berkuasa zakat tidak menyebutkan secara khusus sama ada ia terletak di bawah zakat simpanan atau zakat pelaburan. Namun, ia sepatutnya dikira berdasarkan zakat saham, kerana antara lain ianya adalah pelaburan. Bahkan akta terbaru kewangan Islam (IFSA) 2013 jelas membezakan antara pelaburan dan simpanan. Lihat ‘Islamic Financial Services Act 2013,’ http://www.bnm.gov.my/documents/act/en_ifsa.pdf, dicapai pada 13 Ogos 2014.

mengaplikasikan *khultah* dalam pengiraan dan pembayaran zakat sementara sebahagian lagi tidak menggunakan konsep *khultah*. Antara isu berkaitan amalan pengiraan zakat semasa yang dilihat tidak selari dengan konsep *khultah* yang sedang dibincangkan di sini ialah:

a) Isu Pertama: *Khultah* Diamalkan di Tabung Haji dan Syarikat Perniagaan Sahaja

Dari segi amalan pengiraan zakat semasa sama ada ia berdasarkan konsep *khultah* ataupun tidak, hanya beberapa institusi sahaja yang membuat kiraan zakat menggunakan konsep *khultah* seperti Tabung Haji yang membayarkan zakat bagi pihak penyimpan berdasarkan pengiraan satu akaun dan satu *niṣāb*,³⁰

(vii) Akaun Pelaburan Emas: Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham’, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014.

(viii) Akaun Pelaburan Emas Bersama: Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham’, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014.

(ix) Akaun Semasa: Pusat Pungutan Zakat, ‘Zakat Wang Simpanan,’ http://www.zakat.com.my/index.php?option=com_content&view=article&id=75&Itemid=81&lang=ms, dicapai 13 Ogos 2014.

(x) Saham Syarikat Senaraian Awam: Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham’, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014.

(xi) Syarikat Perniagaan Persendirian (*Private Company*): Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham’, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014. Difahami dari fatwa ini dalam isu *khultah* ialah zakat perniagaan secara umum, baik pemiliknya adalah tunggal mahupun pemiliknya adalah lebih dari seorang. Tiada isu *khultah* bagi pemilik tunggal. Namun bagi pemilik bersama, di sana *khultah* terpakai sebagaimana fatwa yang telah dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan, Zakat Ke atas Syarikat, ‘Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP’, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai 13 Ogos 2014.

(xii) Syarikat Senaraian Awam (*Public Listed Company*): Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham’, <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014. Difahami dari fatwa ini dalam isu *khultah* ialah zakat perniagaan secara umum, baik pemiliknya adalah tunggal mahupun pemiliknya adalah lebih dari seorang. Bagi pemilik tunggal maka ianya tiada isu khultah, namun bagi pemilik bersama maka di sana *khultah* terpakai sebagaimana fatwa yang telah dikeluarkan Majlis Fatwa Kebangsaan. Lihat Zakat Ke atas Syarikat, ‘Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP’, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai 13 Ogos 2014.

juga syarikat-syarikat perniagaan sama ada berstatus awam atau swasta. Ini bermaksud bagi Tabung Haji dan syarikat-syarikat seperti yang disebutkan di atas, walaupun ia dimiliki oleh dua orang atau lebih, namun dari segi zakat, akaun syarikat tetap akan dikira sebagai satu *nīṣāb* dan satu *ḥawl*, dan darinya akan dikira zakat berdasarkan pengiraan *khulṭah*.³¹

Selain dari Tabung Haji dan syarikat-syarikat yang membayar zakat berdasarkan konsep *khulṭah*, wujud ketidak seragaman terutama bagi zakat ke atas akaun-akaun simpanan di bank-bank, dana-dana dan instrumen pelaburan semasa. Dalam kebanyakan situasi, individu sendiri yang akan membayar zakat bagi simpanan atau pelaburan mereka. Walaupun dari satu sudut memang sudah menjadi tanggungjawab mereka membayarkan zakat ke atas harta-harta yang mereka miliki,³² namun dari aspek yang lain pula, apabila individu sendiri yang membayar zakat bagi wang simpanan mereka maka timbul isu Syariah dari segi pengiraan dan jumlah. Ini kerana mereka akan membuat pengiraan berdasarkan *nīṣāb* dan *ḥawl* pemilikan individu sedangkan sepatutnya ia

(xiii) Simpanan Takaful (Tabung Peserta): Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Takaful’, <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-takaful/>, dicapai pada 3 Januari 2017.

³⁰ Tabung Haji, ‘Statistik 5 Tahun Pembayaran Zakat,’ <http://www.tabunghaji.gov.my/web/guest/zakat>, dicapai 13 Ogos 2014; Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Pembayaran Zakat oleh Tabung Haji,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakat-oleh-tabung-haji>, dicapai 13 Ogos 2014.

³¹ Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Zakat Ke Atas Syarikat,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai 13 Ogos 2014. Bagi Syarikat Awam Tersenarai (*Public Listed Company/PLC*), apa yang difahami dari fatwa yang ada ialah bahawa ianya tidak mengamalkan konsep *khulṭah* bagi syarikat saham yang tidak membayar zakat. Lihat Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-saham/>, <http://www.zakat.com.my/en/zakat-saham.html>, dicapai 13 Ogos 2014.

³² Ini kerana dalam soal zakat, berdasarkan pandangan kebanyakan ulama, dari segi pengiraan, akaun akan dikira sebagai satu, namun dari segi kewajipan membayar zakat, ianya tetap kewajipan individu, yang boleh diwakilkan kepada syarikat untuk membayarnya bagi pihak pemegang saham, pelabur atau pendeposit atau penyimpan. Ini adalah berdasarkan keputusan Majmā‘ Fiqh al-Dawlī, AAOIFI dan lain-lain. Namun bagi sebahagian ulama, antaranya ialah Majlis Fatwa Kebangsaan, Muḥy al-Dīn Qurra Ḏaghī dan lain-lain, kewajipan membayar zakat adalah terletak di atas syarikat itu sendiri di atas dasar ianya adalah entiti berasingan dari pemilik saham berdasarkan konsep *syakhṣiyah i’tibāriyah*. Lihat Said Bouheraoua, ‘Zakah Obligations On Islamic Financial Institutions,’ *ISRA Research Paper*, 34 (2012): 9.

dikira berdasarkan pengiraan *niṣāb* dan *ḥawl* dana dan akaun tersebut secara kolektif. Ini kerana *khultah* telah wujud kerana wang simpanan yang dimiliki oleh penyimpan tersebut bercampur dengan wang dari penyimpan-penyimpan lain. Bagi seorang yang memiliki sejumlah RM1,000 ringgit dalam akaun simpanan mereka sebagai contoh, berdasarkan pengiraan zakat individu, ia tidak dikenakan zakat kerana tidak mencapai *niṣāb* yang merupakan syarat kewajipan zakat, namun jika berdasarkan konsep *khultah*, ia dikenakan zakat kerana dalam *khultah*, bukan pengiraan individu yang menjadi penentu, tetapi *niṣāb* dan pengiraan akaun dan dana yang diuruskan secara kolektif yang diambil kira.

Begitu juga bagi pihak pengendali akaun-akaun ini pula (bank), mereka tidak membayarkan zakat bagi pendeposit mereka, bahkan mereka menyerahkan urusan pembayaran zakat kepada pendeposit sendiri untuk menyelesaiannya. Hatta, bagi bank yang menyediakan perkhidmatan membayarkan zakat bagi pihak pendeposit mereka sekalipun, mereka hanya membayarkan zakat berdasarkan pengiraan zakat individu sahaja dan tidak mengambil kira *khultah* bagi wang yang terdapat dalam akaun yang mereka uruskan.

Begitu juga bagi zakat emas dan perak, bagi akaun pelaburan Islam berdasarkan emas, fatwa menyebutkan bahawa zakat dikenakan jika ia melebihi *niṣāb* emas dan perak.³³ Fatwa ini jika merujuk kepada *niṣāb* emas secara umum, maka tiada isu yang timbul. Namun jika ia difahami dalam konteks perbankan, maka isu Syariah yang timbul ialah sebagaimana dimaklumi, emas disimpan dan dijaga di satu tempat yang sama dengan pemilik-pemilik lain dan ia menepati konsep harta *khultah*. Namun dari segi pengiraan zakat semasa, percampuran ini tidak diambil kira bahkan setiap pemilik akaun secara individu akan membayar zakatnya sendiri jika emas yang ia miliki telah mencapai *niṣāb*nya tanpa mengambil kira emas yang dimiliki oleh orang lain yang disimpan bersama dengan emasnya, dan ini jelas menunjukkan bahawa *khultah* juga tidak terpakai dalam akaun pelaburan/simpanan emas kerana secara logiknya jika *khultah* terpakai maka *niṣāb* individu sudah tidak lagi relevan.

³³ Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Emas Perak,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-emas-perak/>, dicapai 13 Ogos 2014; Zaharuddin Abdul Rahman, ‘Hukum Akaun Pelaburan Emas di Malaysia,’ <http://zaharuddin.net/pelaburan-&perniagaan/764-hukum-akaun-pelaburan-emas-di-bank-malaysia.html>, dicapai 13 Ogos 2014.

b) Isu Kedua: Mencampurkan Harta dari Beberapa Akaun Untuk Mencukupkan Kadar Zakat

Antara isu yang berkaitan dengan *khulṭah* juga ialah amalan semasa yang mencampurkan harta (duit) dari akaun-akaun yang berlainan untuk mencukupkan *niṣāb* zakat wang simpanan/emas/perak yang mana ia ditetapkan oleh kebanyakan badan pengutip zakat.³⁴ Mereka mengatakan bahawa jika simpanan dari akaun bank X tidak mencapai *niṣāb* sebagai contoh, maka ia harus dicampur dengan simpanan dari akaun lain, atau ditambah lagi dengan tunai yang berada di tangan untuk mencukupkan *niṣāb* individu, dan apabila jumlah keseluruhan sudah sempurna *niṣāb* dan *ḥawl*, maka barulah harta tersebut dikenakan zakat.³⁵

Praktis sebegini jika diperhatikan mungkin boleh diperhalusi lagi berdasarkan hujah-hujah di bawah:

1. Tidak bertepatan dengan maksud hadis dan konsep *khulṭah* itu sendiri³⁶ iaitu jelas dinyatakan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا يَجْمِعُ بَيْنَ مُفْرَقٍ وَلَا يَفْرَقُ بَيْنَ مَجْمُوعٍ خَشِيَّةَ الصَّدَقَةِ

*“Tidak dihimpunkan (harta zakat) yang terpisah dan tidak dipisahkan (harta zakat) yang terhimpun untuk mengelakkan dari (membayar) zakat...”*³⁷

Walaupun ulama telah bersepakat bahawa jika seseorang itu mempunyai harta di beberapa tempat maka ia perlu dicampurkan untuk pengiraan zakat,³⁸ namun ianya hanya terpakai bagi wang atau harta-harta yang tidak bercampur antara beberapa pemilik, namun jika harta telah bercampur antara beberapa pemilik sebagaimana halnya wang-wang yang disimpan

³⁴ Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Wang Simpanan’, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-wang-simpanan/>, dicapai 13 Ogos 2014; Pusat Kutipan Zakat Pahang, ‘Kalkulator Zakat Simpanan’, <http://www.zakatpahang.my/v2/KhidmatKalkulatorZakatSimpanan.aspx>, dicapai 13 Ogos 2014.

³⁵ Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Wang Simpanan’, <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-wang-simpanan/>, dicapai 13 Ogos 2014; Pusat Kutipan Zakat Pahang, ‘Kalkulator Zakat Simpanan’, <http://www.zakatpahang.my/v2/KhidmatKalkulatorZakatSimpanan.aspx>, dicapai 13 Ogos 2014.

³⁶ Shihāb al-Dīn Mahmūd bin Aḥmad al-Zanjānī, *Takhrīj al-Furū‘ ‘alā al-Uṣūl*, 115.

³⁷ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī*, vol. 3, 368, “Kitāb al-Zakāt: Bāb Lā Yujma‘ Bayna Mutafarriq wa la Yufarraq Bayna Mujtami‘in,” hadis no. 1419, 1420.

³⁸ Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣaḥīḥ Bukhārī*, vol. 3, 368.

bank-bank pada hari ini maka wujudlah *khultah*. *Khultah* seolah-olah telah mengkhususkan keumuman mencampurkan harta di tempat yang berbeza untuk pengiraan zakat.³⁹

2. Maksud dan ‘illah kenapa dikenakan zakat ke atas harta *khultah* ialah wujudnya *khifyah al-mu’nah* (keringanan) dalam soal pengurusan harta⁴⁰ dan sewajarnya zakat dikenakan ke atas harta yang telah digabungkan, kerana telah ada keringanan kepada pemilik harta dalam soal pengurusan harta mereka.
3. Maksud pendapat fuqaha yang mewajibkan penggabungan ini adalah jika adanya harta yang tidak bercampur dan ada yang bercampur, namun melihat kepada situasi pada hari ini, wang pendeposit-pendeposit telah bercampur antara satu sama lain, maka setiap akaun yang diuruskan oleh pihak bank itu telah ada *khultah* masing-masing.
4. Selain dari itu juga, dari satu sudut, impak kepada pengiraan yang tidak berdasarkan pengiraan *khultah* ini ialah ia akan boleh mengurangkan jumlah pembayar dan hasil kutipan zakat, dan seterusnya mengurangkan sumber bantuan yang boleh disalurkan kepada asnaf zakat.

Jelas berdasarkan apa yang telah dibincangkan di atas bahawa mencampurkan harta-harta yang berada di beberapa tempat yang mana telah wujud *khultah*nya masing-masing adalah bertentangan dengan apa yang telah dibincangkan oleh para fuqaha mazhab al-Shāfi‘ī berkaitan konsep *khultah*. Sewajarnya zakat dikenakan ke atas setiap harta yang telah memenuhi definisi konsep *khultah* tanpa perlu dicampurkan dengan harta-harta di tempat lain semata-mata untuk mencukupkan *niṣāb* zakat seseorang pemilik harta.

HALANGAN DALAM PENGIRAAN DAN KUTIPAN ZAKAT BERDASARKAN KONSEP *KHULTAH* DAN PENYELESAIANNYA

a) Akaun Berbeza Tempoh

Antara punca *khultah* tidak diamalkan secara meluas terutama dalam konteks akaun perbankan dan pelaburan Islam adalah akaun yang berbeza tempoh

³⁹ Namun demikian pendapat yang lebih *asah* dalam mazhab Shāfi‘ī ialah *khultah* akan menjadikan kesemua asset menjadi asset *khultah* sekalipun sebahagian asset seseorang itu *khultah* dan sebahagiannya tidak *khultah* (atau disimpan sendiri-inya dinamakan *Khultah al-Milk*). Rujuk ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Rāfi‘ī, *al-‘Azīz Syarḥ al-Wajīz*, vol. 5, ed. ‘Adil ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 517-518; al-Nawāwī, *al-Majmu‘*, vol. 5, 421.

⁴⁰ Hannan ‘Abd al-Rahmān Abū Mukh, ‘Zakāt al-Syarikāt fi al-Fiqh al-Islamī,’ 115-116.

waktu ia dibuka, di samping jumlah simpanan semasa ia dibuka tidak mencapai *niṣāb*. Ini kerana syarat *khulṭah* ialah ia mesti mencapai *ḥawl* dan *niṣāb* bermula dari tarikh ia dicampurkan.⁴¹ Jika percampuran itu berlaku pada waktu yang sama, maka tiada masalah. Namun jika ia dibuka dalam waktu yang berbeza, maka *khulṭah* untuk tahun tersebut tidak terpakai. Isu ini agak rumit kerana jika mengikut tarikh pembukaan akaun, maka mungkin akan ada berjuta-juta *ḥawl* dalam satu bank dan pengurusan dana dan ini sangat menyusahkan pihak bank dan institusi yang menyimpan wang untuk membuat pengiraan zakat bagi penyimpan mereka.

Namun, sebenarnya ia bukanlah masalah besar sehingga diketepikan *khulṭah* itu sendiri kerana bagi pemilik akaun bank yang belum mencapai tempoh akaun setahun (*ḥawl*), walaupun menurut mazhab Shāfi‘ī ia tidak dikenakan zakat, namun untuk memudahkan pengiraan zakat maka apa yang diambil kira adalah kecukupan *niṣāb* akaun-akaun dan dana-dana. Adapun *ḥawl* maka memadailah mengikut *ḥawl* institusi kewangan atau pengurus dana itu sahaja, tanpa mensyaratkan sempurnanya *ḥawl* bagi setiap penyimpan.

Ini juga yang diamalkan dalam zakat perniagaan yang mana hanya *ḥawl* syarikat yang dikira. Adapun *ḥawl* bagi setiap pemegang saham, maka ia tidak terpakai. Dalam konteks zakat perniagaan, *ḥawl* adalah berdasarkan laporan tahunan (*Financial Report*) syarikat dan bukan berdasarkan *ḥawl* setiap pemilik saham syarikat. Kaedah pengiraan *khulṭah* sebegini lebih memudahkan bagi semua pihak, apatah lagi dalam konteks zakat simpanan yang mana bagi penyimpan, wujud kesukaran bagi mereka untuk membuat pengiraan sendiri. Dalam soal ini juga, ‘Izz al-Dīn Khawjah ada menyebutkan:

“Pelabur-pelabur (dalam akaun bank/dana pelaburan) membayar zakat mengikut mana-mana ḥawl dana/akaun bagi mana-mana tahun kewangan yang disebutkan padanya pengiraan zakat, dan ia tidak dikira berdasarkan ḥawl individu (pelabur), sama

⁴¹ al-Nawāwī, ‘al-Majmū‘, vol. 5, 416; al-Rāfi‘ī, *al-‘Azīz Sharḥ al-Wajīz*, vol. 3, 517-518. Ini juga adalah pendapat mazhab Ḥanbalī. Rujuk ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarh al-Kabīr*; vol. 2, 534. Kata Imam al-Shāfi‘ī: “*dan tidak dikira (harta) dua orang sebagai harta khulṭah sehingga berlalu ke atas kedua mereka setahun dari tempoh percampuran, dan jika berlalulah setahun maka dikenakan zakat ke atas mereka satu individu, dan jika tidak cukup setahun harta dicampurkan maka zakat adalah untuk dua orang (berasingan)*” al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, vol. 1, 234.

juga bagi pelabur-pelabur yang belum mencapai niṣāb secara individu di mana mereka tidak terlepas dari kewajipan zakat... ”⁴²

Jelas dari kenyataan di atas bahawa pengiraan berdasarkan *khulṭah* adalah dengan melihat kepada *ḥawl* tahun kewangan dana-dana dan akaun dan tidak bergantung kepada pengiraan *ḥawl* individu.

b) Cara Pembayaran Zakat Yang Tidak Jelas

Ini adalah isu yang berkaitan cara pembayaran dan kutipan zakat *khulṭah* iaitu dari segi tanggungjawab pembayaran zakat, ianya adalah tanggungjawab pemilik wang, namun dari segi kutipan ianya adalah tanggungjawab lembaga-lembaga zakat, dan bukan tanggungjawab pengendali pelaburan Islam atau bank-bank. Sebarang keputusan dalam mengenakan zakat ke atas akaun simpanan atau pelaburan berdasarkan konsep *khulṭah* perlu melalui proses perbincangan dengan pihak bank dan pengendali tabung-tabung dahulu.⁴³

Namun isu ini boleh di atasi dengan cara pihak institusi zakat melantik bank sebagai amil dalam mengutip zakat bagi akaun-akaun yang dikendalikan mereka. Cara ini juga boleh menjana sumber pendapatan baru bagi bank iaitu melalui bayaran upah dari pusat zakat sebagai amil. Bagi bank konvensional

⁴² Kertas kerja Sheikh Ḥassan bin Ghālib Dailah, *Zakāt Ṣanādīq al-Istithmār*, Nadwah Zakāt al-Ashum wa al-Ṣanādīq, dipetik dari kitab *Zakāt al-Musyarakāt fi al-Ṣanādīq wa al-Isdārāt*, ‘Izz al-Dīn Khawjah, 69. <http://www.iifef.org/node/474>. Bahkan dalam soal ini, Qaraḍāwī telah mentarjihkan pendapat al-Shāfi‘īyyah yang mengatakan bahawa dalam zakat perniagaan, *niṣāb* diambil kira di akhir *ḥawl*, dan bukan di awalnya. Al-Qaraḍāwī menaqalkan kata-kata Imam al-Shāfi‘ī:

فالحول ينعقد على ما دون النصاب، ولا يشترط النصاب إلا في آخر الحول، فإذا بلغ في أحده نصاباً، زakah.
“Maka *ḥawl* akan bermula bagi harta yang belum mencapai *niṣāb*, dan tidak disyaratkan sempurnanya *niṣāb* kecuali pada akhir *ḥawl*, di mana jika diakhirkannya (*ḥawl*) telah sempurna *niṣāb* maka zakat hendaklah dibayar...” Yūsuf al-Qaraḍāwī, ‘Fiqh al-Zakāh,’ <http://qaradawi.net/new/library2/266-2014-01-26-18-46-06/2280>, dicapai 13 Ogos 2014.

⁴³ Di sana pernah dianjurkan “Bengkel Zakat Industri Kewangan” yang mana memutuskan bahawa: “Ahli-ahli bengkel telah bersetuju bahawa dalam isu ini, kewajipan membayar zakat adalah di pihak kepada pendepositor itu sendiri dan bukannya bank atau institusi yang menguruskan dana deposit tersebut.” Lihat Lembaga Zakat Selangor, ‘Bengkel Zakat Industri Kewangan’, <http://www.e-zakat.com.my/terkini/bengkel-zakat-industri-kewangan/>, dicapai 13 Ogos 2014.

pula, mereka juga boleh membuat perkara yang sama, namun zakat hanya dikenakan ke atas simpanan pokok (*principal*) sahaja.⁴⁴

Bagi menyokong perkara di atas juga, pihak-pihak majlis fatwa juga perlu bergerak aktif dalam mengeluarkan fatwa-fatwa dan ketetapan atau garis panduan yang menekankan kepada kepentingan dan kewajipan pengiraan dan pembayaran zakat berdasarkan konsep *khulțah*. Ini dapat membantu bukan sahaja pihak yang menjalankan tugas mengutip zakat bahkan orang awam juga dapat mengetahui tanggungjawab yang perlu mereka tunaikan ke atas harta-harta yang mereka miliki.

c) Pemilik Akaun Tidak Tertakluk Kepada Zakat

Antara halangan dalam mengimplementasikan kiraan zakat berdasarkan konsep *khulțah* dalam akaun dan dana-dana pelaburan juga ialah:

(i) Pemilik Yang Bukan Beragama Islam

Dari segi pembayar zakat, disyaratkan bahawa mereka mestilah beragama Islam.⁴⁵ Bagi bukan Islam, dari segi tuntutan hukum dunia, mereka tidak diwajibkan untuk membayar zakat kerana zakat adalah ibadah, dan mereka bukanlah ahli ibadah.⁴⁶

Berkaitan perkara ini, bagi simpanan di Tabung Haji, tiada masalah dalam soal pembayaran zakat berdasarkan konsep *khulțah* kerana hanya pendeposit yang beragama Islam sahaja yang dibenarkan membuka akaun di Tabung Haji, justeru zakat hanya dibayar dari pemilik yang beragama Islam sahaja.

Namun, bagi zakat akaun simpanan yang diuruskan oleh bank atau dana-dana pelaburan dan sebagainya, adalah menjadi satu kesukaran bagi pihak bank atau pihak pengurus dana untuk mengenal pasti agama para pendeposit dan pelabur mereka sama ada mereka adalah Islam mahupun tidak. Ini kerana dalam sistem mereka, mereka mungkin tidak mempunyai satu pembahagian

⁴⁴ AAOIFI menyebutkan bahawa bagi akaun konvensional, hanya kadar simpanan pokok (*principal*) sahaja yang akan dikenakan zakat, adapun bahagian riba (*interest*) maka tidak dikenakan zakat. Lihat Accounting and Auditing of Islamic Financial Institution (AAOIFI), *Ma’āyir al-Syar‘iyyah*, 35 (Bahrain: AAOIFI, 2007), 621.

⁴⁵ MAIWP, ‘Zakat Syarikat yang Bercampur-Campur’, <http://www.zakat.com.my/> fatwa-zakat; al-Qardawī, *Fiqh al-Zakāt*, vol. 1, 125.

⁴⁶ Muṣṭafā Khin, Muṣṭafā Bugha ‘Alī Sharbajī, *Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhab al-Imām al-Shāfi‘ī*, vol. 1, 276.

antara pendeposit yang bukan Islam dan yang Islam. Isu ini juga wujud bagi syarikat-syarikat yang mempunyai akaun di bank-bank Islam, kerana pihak bank tidak mengetahui adakah syarikat-syarikat ini dimiliki oleh orang Islam atau orang bukan Islam.

Isu ini bukanlah isu yang sukar ditangani kerana bank atau pengurus dana boleh mengklasifikasikan pendeposit mereka sama ada mereka adalah Islam atau bukan Islam. Ini boleh dilakukan dengan meminta pendeposit atau pelabur memaklumkan kepada pihak bank tentang agama mereka ketika mana mereka membuka akaun, atau meminta pihak bank memasukkan pilihan agama dalam borang pembukaan akaun mereka. Ini bagi membolehkan mereka mengira zakat berdasarkan *khulțah*, dan hanya mereka yang Muslim sahaja yang dikenakan zakat. Bagi akaun yang dimiliki oleh syarikat pula, jika syarikat 100 peratus dimiliki oleh orang Islam maka tiada masalah, namun bagi syarikat yang dimiliki oleh Islam dan bukan Islam, sama ada mereka memaklumkan kepada pihak bank atau pengurus dana nisbah peratus yang dimiliki oleh pemegang saham yang beragama Islam sahaja, atau memaklumkan bahawa pihak syarikat sendiri yang akan membayar zakat, namun dari segi pengiraan ianya mesti berdasarkan *khulțah* dan bukan berdasarkan pengiraan secara individu/syarikat. Ini kerana harta syarikat telah menjadi harta *khulțah* kerana ia telah bercampur dengan pendeposit lain semasa duit tersebut berada di bawah pengurusan bank dan pengurus dana.⁴⁷

(ii) Pemilik Harta Yang Dikecualikan dari Kewajipan

Termasuk juga dalam isu ini ialah pemilik akaun yang dikecualikan dari zakat seperti akaun yang dimiliki oleh badan kebajikan, waqaf umum, masjid, surau⁴⁸ dan sebagainya. Ini juga bukan menjadi satu halangan besar kerana pemilik zakat boleh memaklumkan kepada pihak bank, atau pihak bank boleh memasukkan pilihan jenis institusi untuk mereka mendapatkan maklumat berkenaan sama ada institusi tersebut dikenakan zakat ataupun tidak.

⁴⁷ Bagi syarikat yang membayar zakat melalui konsep *khulțah* bagi wang yang mereka miliki dan disimpan di bank-bank sebagainya yang dicadangkan ini, ketika membuat pengiraan zakat syarikat perniagaan, mereka perlu mengeluarkan wang yang berada di bank-bank. Ini kerana tolakan zakat telah dibuat dan sebagaimana yang dimaklumi, zakat tidak dikenakan ke atas harta yang sama sebanyak dua kali.

⁴⁸ Pusat Pungutan Zakat, ‘Apakah pihak duit masjid dan surau juga perlu mengeluarkan zakat’, [http://www.zakat.com.my/faq.](http://www.zakat.com.my/faq/), dicapai 4 April 2016; AAOIFI, *Ma ‘āyir al-Syari‘iyyah*, 35, 3/1/6, 473.

Bagi akaun syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan yang tidak patuh Syariah, mereka tidak dikenakan zakat kerana zakat hanya dikenakan ke atas harta yang halal yang dimiliki oleh tuannya sahaja.⁴⁹ Di sini mungkin timbul kesukaran bagi pihak bank mengasingkan jenis syarikat sebegini dan perkara ini agak sensitif kerana pihak syarikat mungkin tidak mahu menyatakan sama ada aktiviti mereka adalah patuh Syariah atau pun tidak. Ataupun mereka sendiri tidak tahu atau tidak mahu tahu sama ada aktiviti mereka patuh Syariah atau tidak.

Namun dicadangkan supaya dimasukkan pilihan jenis syarikat apabila syarikat membuka akaun, dan bagi mengelakkan masalah penentuan syarikat sama ada patuh Syariah ataupun tidak, pilihan yang dicadangkan dalam borang pembukaan akaun ialah adanya bahagian dalam borang yang menyatakan sama ada syarikat tertakluk kepada zakat atau tidak sahaja, tanpa memperincikan punca tidak membayar zakat.

(iii) Pemilik Harta Beragama Islam Yang Tidak Mahu Membayar Zakat/ Pemilik Harta Yang Bermazhab Ḥanafī Yang Langsung Tidak Menerima Konsep *Khulṭah* atau Mazhab Selain dari Mazhab al-Shāfi‘ī Yang Menolak Adanya *Khulṭah* Selain dari Binatang Ternakan

Mungkin terdapat juga pemilik yang memang tidak mahu membayar zakat, atau tidak mahu membayar zakat melalui bank, atau pemilik harta dan akaun yang bermazhab Ḥanafī dan mazhab lain yang menolak adanya zakat *khulṭah* sebagaimana yang difahami oleh mazhab al-Shāfi‘ī. Bagi pemilik-pemilik harta sepertimana di atas, mereka juga boleh menyatakan dalam borang pembukaan akaun bahawa wang mereka dikecualikan dari zakat *khulṭah*. Ini juga tidak menjadi halangan kerana sama ada mereka sendiri membayar zakat, atau tidak membayar langsung zakat, atau berpegang kepada mazhab yang berpandangan tidak dikenakan zakat pada wang atau pada *khulṭah* itu sendiri, maka itu terpulang kepada mereka. Apa yang penting ialah pihak bank dan pihak pengurus dana yang menguruskan wang pelanggan mereka membayarkan zakat berdasarkan konsep *khulṭah*.

Namun, di sini juga perlu ditekankan bahawa bagi mereka yang tidak tidak menerima pakai pendapat mazhab al-Shāfi‘ī dalam soal *khulṭah*, sekiranya wang mereka telah mencukupi *niṣāb* dan *hawl* individu, maka wajib ke atas mereka mengeluarkan zakat dari wang yang mereka miliki.

⁴⁹ Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāt*, vol. 2, 166.

KESIMPULAN

Khulțah mempunyai potensi besar dalam memajukan kutipan dan pengagihan zakat kepada golongan *asnaf*. Namun, melihat kepada aplikasi semasa konsep ini, ianya seolah dipinggirkan dan potensinya tidak dioptimumkan sebaik mungkin. Ini kerana berdasarkan apa yang telah dibincangkan dalam penulisan ini, jelas bahawa apa yang diamalkan dalam pengiraan zakat semasa terutama dalam akaun-akaun di bank dan dana-dana pelaburan hanyalah pengiraan zakat secara biasa yang tidak mengambil kira wujudnya *khulțah*. Bahkan dalam perbincangan semasa tentang zakat, tajuk-tajuk perbincangan yang biasa mengambil tempat hanyalah berkaitan dengan harta-harta yang dikenakan zakat, syarat wajib zakat dan kadarnya sahaja sedangkan dalam soal zakat, *khulțah* salah satu tajuk yang diberi penekanan oleh para fuqaha mazhab al-Shāfi‘ī, di samping ia juga berfungsi besar dalam menyampaikan maksud syarak dalam zakat iaitu membantu pembayar melaksanakan kewajiban zakat, dan membantu penerima dan mereka yang memerlukannya.

Walaupun telah diadakan bengkel, seminar dan perbincangan tentang zakat akaun simpanan di bank-bank, namun ianya dikira masih tidak memadai dalam menyelesaikan persoalan tentang *khulțah* dan kesannya dalam pembayaran zakat sepertimana yang cuba diutarakan dalam penulisan ini. Justeru, melalui penulisan ini, semua pihak yang terlibat dalam soal zakat diharap dapat duduk bersama membincangkan persoalan berkaitan *khulțah*. Melalui pengamalan konsep *khulțah* dalam pengiraan dan kutipan zakat semasa, diharap ianya dapat memaksimumkan sumber pendapatan bagi institusi kutipan dan agihan zakat. Agensi yang diamanahkan untuk membuat kutipan zakat juga sudah tidak boleh lagi terlalu bergantung kepada sumber sedia ada terutamanya zakat pendapatan sebagai sumber utama. Ini kerana selain ia (zakat pendapatan) adalah terhad, ia juga menimbulkan beberapa isu Syariah.⁵⁰ Lantaran itu mereka mesti menerokai sumber-sumber lain dan antaranya ialah dengan penerokaan

⁵⁰ Isu utama dalam zakat pendapatan ialah cukupnya *ḥawl*, kerana zakat pendapatan tidak mengambil kira *ḥawl* bahkan zakat dikenakan sekalipun tidak cukup *ḥawl*. *Ḥawl* sebenarnya berfungsi sebagai penanda aras sama ada seseorang itu kaya atau miskin. Bagi mereka yang tidak menggunakan harta mereka selama setahun, maka mereka dikira sebagai kaya. Sebaliknya jika harta mereka berada dalam pemilikan tidak sampai setahun, maka mereka sebenarnya tidak wajib membayar zakat. Bahkan mengambil kira kos sara hidup pada hari ini yang sangat tinggi, sedangkan kaedah pengiraan zakat masih ditakuk lama. Maka sewajarnya kaedah pengiraan zakat pendapatan dikaji semula, supaya mengikut kehendak sebenar Syariah dalam kewajipan zakat iaitu, “*diambil dari orang kaya dan diberi kepada orang miskin...*” Lihat Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqlānī, *Fath al-Bārī* *Syarah Ṣahīh Bukhārī*, vol. 3, 307, hadis no. 1363.

kutipan zakat berdasarkan pengiraan *khulṭah* dalam dana-dana pelaburan, simpanan di bank-bank dan lain-lain lagi. Walaupun wujud cabaran dalam mengaplikasikan konsep *khulṭah* ini namun dengan semua pihak yang terlibat dalam isu zakat ini bersama-sama berganding bahu dalam menerokai potensi yang ada pada zakat *khulṭah* ini, maka ianya boleh menghasilkan impak yang baik dan seterusnya dapat menyampaikan tujuan zakat sebagaimana yang dituntut oleh syarak.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Rāfi‘ī, *al-‘Azīz Syarḥ al-Wajīz*, vol. 5, ed. ‘Adil ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997).
- ‘Abd al-Mālik bin ‘Abd Allāh al-Juwaynī, *Nihāyah al-Maṭlah fī Dirāyah al-Madhab*, vol. 3 (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2007).
- ‘Abd Allāh bin Aḥmad bin Qudāmah, *al-Mughnī wa Yalīhi al-Syarḥ al-Kabīr*, vol. 2 (Beirūt: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, t.t.).
- Abī Zakariyyā Yahya bin Syaraf al-Nawāwī, *Rawḍah al-Tālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*, vol. 2 (Beirūt: Maktab al-Islāmī, 1991).
- Abū al-Ḥassan ‘Alī bin Muḥammad al-Māwardī, *al-Hāwī al-Kabīr*, vol. 4 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999).
- Abū Bakr ‘Abd Allāh bin Muḥammad bin Abī Shaybah, *Musnad Ibn Abī Shaybah*, ed. ‘Adīl bin Yūsuf al-Ghazadī, Aḥmad Farīd al-Mazīdī (Riyāḍ: Dār al-Waṭan, t.t.).
- Abū Bakr Aḥmad bin Ḥussīn bin ‘Alī Al-Bayhaqī, *Sunan al-Kubrā*, vol. 4, ed. Muḥammad ‘Abd al-Qādir Aṭā (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- Abū Bakr bin Mas‘ūd al-Kāsānī, *Badā’i‘ al-Ṣanā’i‘ fī Tartīb al-Syarā’i‘*, vol. 2, ed. Sheikh ‘Alī Muḥammad Mu‘awwad, Sheikh ‘Adil Muhammād ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003).
- Abū Hamid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *al-Wajīz fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*, vol. 2, ed. ‘Alī Mu‘awwad, ‘Adīl ‘Abd al-Mawjūd (Beirūt: Dār al-Arqām bin Abī al-Arqām, 1997).
- Abū Iṣhāq Ibrāhīm bin ‘Alī al-Shirāzī, *al-Muḥazzab*, vol. 1, ed. Muhammād Zuhaylī (Damsyīq: Dār al-Qalam, 1996).
- Abū al-Walīd Sulayman bin Khalaf al-Bājī, *al-Muntaqā Syarḥ al-Muwaṭṭa‘*, vol. 2 (Mesir: Maṭba‘ah al-Sa‘ādah, 1332), 136-137.
- Abū Zakariyyā Mahy al-Dīn bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Syarḥ al-Muḥazzab*, vol. 5 (Jeddah: Maktabah Irshād, t.t.).

- Accounting and Auditing of Islamic Financial Institution, *Ma‘āyir al-Syar‘iyah* (Bahrain: AAOIFI, 2007).
- Ahmad bin al-Shu‘ayb al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī*, ed. ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muhsīn (Qāhirah: Mu‘assasah al-Risālah, 2001).
- Ahmad bin Rusyd Ibn al-Rusyd, *Bidāyah al-Mujtahid*, dengan *Hamish al-Sabīl al-Murshid ilā Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtasid*, ed. ‘Abd Allāh Abadī (Qāhirah: Dār al-Salam, 1995).
- Azman Mohd Noor & Muhamad Nasir Haron, ‘Imposing Zakāt on Legal Entities and its Applications in Islamic Financial Institutions,’ <http://www.drazman.net/wp-content/uploads/2013/10/Paper-on-Imposing-Zakah-on-legal-entities070711.pdf>, dicapai pada 14 Julai 2016.
- Dār al-Qutnī, ‘Alī bin ‘Umar, *Sunan Dār al-Qutnī*, ed. Adil ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muhammad Mu‘awwad (Beirūt: Dār al-Ma‘rifah, 2001).
- Hannan ‘Abd al-Rahmad Abū Mukh, *Zakāt al-Syarikāh fī al-Fiqh al-Islāmī* (‘Ammān: Dār al-Ma’mūn, 2007).
- Ibn Faris, Ahmad bin Faris, *Mu‘jam Maqāyis al-Lughah*, ed. ‘Abd al-Salam Muhammad Harun (Beirūt: Dār al-Fikr, 1979).
- Investopedia, ‘Dividen,’ <http://www.investopedia.com/terms/d/dividend.asp>, dicapai pada 20 Ogos 2016.
- Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, *Mawsū‘ah Fiqhiyyah Kuwaitiyah* (Kuwait: Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam, t.t.).
- Lembaga Zakat Selangor (LZS), ‘Zakat Pendapatan,’ <http://www.zakatselangor.com.my/calkulator-zakat/zakat-pendapatan/>, dicapai pada 14 Julai 2016.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Perniagaan,’ <http://www.zakatselangor.com.my/calkulator-zakat/zakat-perniagaan/>, dicapai pada 9 Julai 2016.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-saham/>, dicapai pada 13 Ogos 2014.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai pada 13 Ogos 2014.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Kalkulator Zakat Saham,’ <http://www.e-zakat.com.my/kalkulator-zakat/zakat-emas-perak/>, dicapai pada 13 Ogos 2014.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Emas Perak,’ <http://www.e-zakat.com.my/zakat-harta/zakat-emas-perak/>, dicapai pada 13 Ogos 2014.
- Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Perniagaan,’ <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-jenis-zakat/zakat-harta/zakat-perniagaan/>, dicapai pada 28 Julai 2016.

Lembaga Zakat Selangor, ‘Zakat Pendapatan,’ <http://www.zakatselangor.com.my/faq-kutipan-zakat/faq-zakat-pendapatan/>, dicapai pada 10 Julai 2016.

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), ‘Zakat Syarikat yang Bercampur-Campur,’ <http://www.zakat.com.my/fatwa-zakat>, dicapai pada 12 Jun 2016.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, ‘Zakat Pendapatan,’ <http://www.e-maik.my/v2/index.php/kalkulator-zakat-pendapatan.html>, dicapai pada 14 Julai 2014.

Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Pembayaran Zakat oleh Tabung Haji,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakat-oleh-tabung-haji>, dicapai 13 Ogos 2014.

Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Pembayaran Zakat oleh Tabung Haji,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/pembayaran-zakat-oleh-tabung-haji>, dicapai 13 Ogos 2014.

Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Zakat Ke atas Syarikat,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai 13 Ogos 2014.

Majlis Fatwa Kebangsaan, ‘Zakat Ke atas Syarikat: Zakat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP,’ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat>, dicapai pada 13 Ogos 2014.

Majma‘ Fiqhī al-Islamī al-Dawlī, ‘Zakat Saham dalam Syarikat,’ <http://www.fiqhacademy.org.sa/qrarat/4-3.htm>, dicapai 13 Ogos 2014.

Muhammad bin Abi al-Abbas Al-Ramlī, *Nihāyah al-Muhtāj ilā Syarh Minhāj*; beserta *Hāsyiyah ‘Ali bin ‘Ali al-Shabralamsī, Hāsyiyah Muhammād bin Ahmad al-Maghzī al-Rāsyidī*, vol. 3 (Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan ketiga 2003).

Muhammad bin Abū Bakr al-Rāzī, *Mukhtār al-Sīhhah* (Lubnan: Maktabah Lubnan, 1986).

Muhammad bin Idrīs al-Shāfi‘ī, *al-Umm*, vol. 3, ed. Rifa‘āt Fawzī ‘Abd al-Muṭalib (Manṣūrah: Dār al-Wafā’, 2001).

Muhammad bin Mukram bin Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, vol. 7 (Beirūt: Dār Ṣadr, t.t.).

Mustafā Khin, Mustafā Bugho, ‘Alī Sharbajī, *Fiqh al-Manhajī ‘alā Madhhāb al-Imām al-Shāfi‘ī* (Damsyiq: Dār al-Qalam, cetakan ke 10, 2009).

Sa‘id al-Bakrī bin Muhammad Syaṭṭa al-Dumyaṭī, *Hāsyiyah I‘ānah al-Tālibīn*, vol. 1 (Beirūt: Dār al-Fikr, t.t.).

- Said Bouheraoua, ‘Syahsiyyah I‘tibariyah-‘Zakah Obligations On Islamic Financial Institutions’, *ISRA Research Paper*, 34 (2012).
- Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Sharbinī, *Mughnīt al-Muhtāj ila Ma‘rifati Ma‘ānī Alfāz al-Minhāj*, vol. 2, ed. Toha ‘Abd al-Raūf Sa‘d (Qāhirah: Maktabah Tawfiqiyah, t.t.).
- al-Sharbīnī, Muḥammad bin Muḥammad, *al-Iqnā‘ fī Hilli Alfāz Abī Syuja‘*, vol. 1, ed. Muḥammad Mu‘awwaḍ, ‘Adil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd (Beirût: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004).
- Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *al-Talkhīs al-Khabūr fī Takhrīj Ahādīth al-Rāfi‘īt al-Kabīr*, ed. Ḥassan bin ‘Abbas (t.tp: Mu’assasah Qurṭubah, 1995).
- Shihāb al-Dīn Aḥmad bin ‘Alī al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī Syarah Ṣahīḥ Bukhārī*, ed. ‘Abd al-Qādir Shaybah al-Ḥamad (Riyāḍ: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, Amir Sultān ‘Abd al-‘Azīz, ‘Aalī Saud, t.t.).
- Shihāb al-Dīn Mahmūd bin Aḥmad al-Zanjānī, *Takhrīj al-Furū‘ alā al-Uṣūl* (Qāhirah: Mu’assasah al-Risālah, t.t.).
- Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Fiqh al-Zakāt*, vol. 2 (Qāhirah: Mu’assasah al-Risālah, 2001).

Temu bual

Mohd Fariz ‘Abdul Razak (Pegawai Penyelidik, Lembaga Zakat Selangor (LZS)), dalam temu bual dengan penulis, 20 Jun 2013.

